

**GARIS PANDUAN LUKISAN DINDING (MURAL PAINTING) DALAM TAPAK
WARISAN DUNIA, GEORGE TOWN UNTUK MAJLIS BANDARAYA PULAU
PINANG (MBPP)**

1.0 KAWASAN LUKISAN DINDING

- 1.1 Lukisan dinding di dalam Tapak Warisan Dunia George Town boleh dilukis di kawasan reruang awam dan harta persendirian (kaki lima, dinding tepi dan dinding belakang) yang boleh diakses oleh orang awam dengan kebenaran daripada MBPP.
- 1.2 Pemohon perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pemunya bangunan atau tempat lukisan hendak dijalankan dan tidak dibenarkan mengganggu aliran lalu lintas yang boleh menyebabkan kesesakan jalanraya.

2.0 SYARAT-SYARAT LUKISAN DINDING

- 2.1 Lukisan dinding tidak boleh menyentuh sensitiviti perkauman, agama dan keharmonian masyarakat di negeri ini.
- 2.2 Tidak dibenarkan menjalankan lukisan dinding untuk tujuan promosi iklan dan mengandungi imej yang boleh memperburukkan dan menjatuhkan nama negeri ini
- 2.3 Lukisan dinding tidak boleh menjelaskan sejarah asal dan mengubah fakta serta keaslian sebenar mengenai warisan dan budaya di negeri ini
- 2.4 Lukisan dinding hendaklah mempunyai nilai artistik dan estetik, kreatif, berkualiti dan memperkuuhkan atau menambahkan nilai-nilai OUV Tapak Warisan Dunia George Town
- 2.5 Lukisan dinding yang bakal dipamerkan atau dipaparkan hendaklah tidak merosakkan dinding atau struktur bangunan. Bagi bangunan dan struktur warisan penggunaan bahan mengecat dan melukis hendaklah dari jenis yang berdasarkan air (*water based*).
- 2.6 Lukisan dinding digalakkan untuk mengintegrasikan reka bentuk karya seni dengan dinding bangunan.

- 2.7 Menjaga aspek keselamatan & mengambil polisi insuran perlindungan awam ('*public liability insurance*') sewajarnya bagi apa-apa kerja-kerja/ penyelenggaraan yang dijalankan.
- 2.8 Kelulusan daripada Jabatan Kejuruteraan hendaklah diperolehi (jika terlibat dengan penggunaan laluan awam).
- 2.9 Mendapatkan pengesahan Jurutera Bertauliah sewajarnya jika melibatkan struktur/*sculpture* dan apa-apa seni awam berbentuk 3 dimensi ('3D').
- 2.10 Pihak pemohon hendaklah menjalankan pemeriksaan dan penyelenggaraan dari masa ke semasa dan memastikan tapak/*public art* tersebut adalah kemas, kukuh dan selamat sepanjang tempoh sah permit (1 tahun dari tarikh permit dikeluarkan).

3.0 TARIKH PEMAKAIAN

3.1 Tarikh kuatkuasa dan pemakaian garispanduan ini adalah pada 26.10.2018

BIL	DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN
1	Salinan Surat Persetujuan Pemunya Bangunan (sekiranya tidak tandangan borang permohonan)
2	Salinan Geran Tanah Atau Borang 14A
3	Salinan Cukai Tanah Terkini
4	Salinan Cukai Taksiran Terkini
5	Pelan Lokasi Cadangan
6	Lukisan / Gambar Lukisan Dinding Yang Dicadangkan (Saiz A4)
7	Profil Pelukis dan Bahan Lukisan yang digunakan
8	Salinan Surat Kelulusan dari Jabatan Kejuruteraan jika terlibat dengan penggunaan laluan awam
9	Pengesahan Jurutera Bertauliah sewajarnya jika melibatkan struktur/ <i>sculpture</i> dan apa-apa seni awam berbentuk 3 dimensi ('3D').
10	Bayaran yuran pemproses permit berjumlah RM200 sebelum permit dilepaskan.

Prosedur dan Proses Permohonan Lukisan Dinding (*Mural Painting*)
Dalam Tapak Warisan Dunia George Town

